

24 JUL 1997

SELANGOR SOKONG PEERLAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM DISERAGAM

SHAH ALAM, 24 Julai (Bernama) -- Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar hari ini mengalu-alukan langkah kerajaan pusat untuk menyeragamkan pelaksanaan undang-undang Islam setiap negeri.

Beliau berkata kerajaan negeri Selangor sememangnya sedang membuat kajian berhubung pelaksanaan undang-undang itu di negeri-negeri lain untuk dikemukakan pada mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam peringkat kebangsaan yang akan datang supaya ia dapat diseragamkan.

Katanya beliau tidak melihat langkah itu sebagai menjejaskan kuasa kerajaan negeri kerana kerajaan negeri masih mengambil bahagian dalam pelaksanaan undang-undang itu di negeri masing-masing.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini berkata beliau ingin menemui raja-raja dalam usaha menyeragamkan undang-undang Islam di negeri masing-masing.

"Ini penting supaya tidak timbul sebarang kekeliruan berhubung dengan pelaksanaan undang-undang itu di negara ini," kata Abu Hassan kepada pemberita selepas merasmikan konvokesyen Inspens di Dewan Jubli Perak, bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri di sini hari ini.

Katanya beliau tidak mempunyai sebarang masalah untuk mengikuti sebarang keputusan yang diambil oleh kerajaan pusat berhubung dengan isu itu. -- BERNAMA

AZH AHH